

10 JAN 2001

BERNAMA RAIKAN KAKITANGAN KONGRES AMERIKA SYARIKAT

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) malam ini meraikan Kakitangan Kongres Amerika Syarikat, yang dalam rangka lawatan seminggu ke Malaysia, pada satu jamuan malam di sini.

Pengerusi Bernama Datuk Abdul Kadir Jasin, dalam ucapannya, berharap mereka akan mendapat gambaran umum mengenai negara ini pada penghujung lawatan mereka.

"Bagi kami, para wartawan di Malaysia, ia adalah satu perjuangan berterusan untuk menjadi lebih sensitif mungkin terhadap permintaan masyarakat majmuk," katanya.

Terdahulu hari ini, rombongan 10 anggota itu menghadiri satu dialog dengan wakil-wakil media cetak dan elektronik tempatan di ibu pejabat Bernama di sini.

Mereka berada di sini atas jemputan kerajaan Malaysia dan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) adalah tuan rumah lawatan mereka.

Esok, rombongan itu akan membuat kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat beliau di Putrajaya.

-- BERNAMA
MLS MLS NAK